PANNANI AMAT SELAR

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
AHMADI ASNAWI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-41-2006]
18 APRIL 2008

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 376 - Kesalahan merogol - Hukuman yang wajar - Pertimbangan kehendak masyarakat - Modus operandi yang menjijikkan - Faktor usia - Sama ada mahkamah boleh memberikan ehsan (mercy) kepada perayu - Sama ada mahkamah ini patut campurtangan dengan hukuman yang telah diberikan Mahkamah Sesyen*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Kesalahan merogol - Hukuman yang wajar - Pertimbangan kehendak masyarakat - Modus operandi yang menjijikkan - Faktor usia - Sama ada mahkamah boleh memberikan ehsan (mercy) kepada perayu - Sama ada mahkamah ini patut campurtangan dengan hukuman yang telah diberikan Mahkamah Sesyen - Kanun Keseksaan, s. 376*

Perayu didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan jenayah merogol iaitu satu kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan. Mangsa dalam kes ini (SP1) berumur XX tahun semasa kejadian. Perayu merupakan sepupu kepada bapa SP1 ('bapa') dan telah datang menziarahi si bapa yang menghidap penyakit barah kepala yang teruk. Perayu yang seorang pengamal perbomohan tradisional telah kemudiannya mengubati si bapa. Seterusnya, perayu telah memaklumkan bahawa punca penyakit si bapa adalah kerana buatan orang dan perlu diubati dengan segera. Untuk maksud pengubatan ini, perayu menerangkan bahawa SP1 juga perlu diubati. Perayu telah memberitahu SP1 bahawa perayu ingin membawa SP1 ke kolam air panas di Sungai Resik untuk dimandikan/diubati. Walaubagaimanapun, SP1 tidak dibawa ke kolam air panas tersebut, tetapi telah dibawa ke satu kawasan kebun kelapa sawit di Parit Bulat. Di sini, perayu telah merogol SP1 buat pertama kali. Laporan polis telah dibuat hanya setelah SP1 dirogol buat kali kedua. Setelah didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di atas, perayu telah diperintahkan supaya dipenjarakan untuk tempoh 15 tahun. Tiada perintah sebatan dikenakan kerana perayu telah melampaui umur 50 tahun

ketika sabitan dikenakan. Atas sabitan dan hukuman ini perayu telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi Muar pada 21 Disember 2006. Pada 18 April 2008, mahkamah telah menolak rayuan ke atas sabitan dan mengekalkan hukuman pemenjaraan 15 tahun yang diperintahkan oleh hakim bicara yang bijaksana. Di atas perintah ini, perayu telah memfailkan rayuan. Walaubagaimanapun, rayuan kali ini hanyalah terhadap hukuman pemenjaraan (yang dikekalkan itu) sahaja.

Diputuskan:

(1) Hukuman yang wajar dan sesuai dikenakan terhadap tertuduh di dalam kes ini hendaklah menunjukkan atau menggambarkan apa yang dikehendaki oleh masyarakat awam. Hukuman tersebut juga hendaklah mengandungi elemen-elemen deteren yang boleh mencegah orang-orang lain yang mempunyai niat yang sama dengan perayu supaya tidak meneruskan niat mereka. Perayu adalah seorang pengamal perubatan tradisional dan di setengah tempat, masyarakatnya menaruh kepercayaan penuh di atas kepakaran yang dimilikinya. Demikian juga dalam kes ini. Perayu telah mengambil kesempatan yang sepenuhnya dari keadaan malang yang menimpa si bapa dan juga kenaifan SP1. Perayu telah mengambil peluang untuk memuaskan nafsu serakahnya dari kesusahan-kesusahan yang menimpa orang lain. Nyata sekali perayu merupakan seorang yang keji lagi tidak bertimbangrasa. Orang-orang yang seperti ini sewajarnya diasingkan dari masyarakat untuk satu tempoh yang lama agar kerosakan yang ditimpakan ke atas SP1 tidak diulangi ke atas wanita-wanita yang lain yang sama naïf dengan SP1. Perayu telah menggunakan *modus operandi* yang cukup licik lagi menjijikkan. Tidak ada kewajaran langsung bagi mahkamah untuk bertindak lunak di atas perbuatannya itu. Tidak ada ruang bagi mahkamah untuk memberikan ehsan (mercy) kepada perayu dalam situasi di mana kesalahan itu telah dilakukan. (perenggan 13, 14, 15 & 16)

(2) Perbuatan yang dilakukan oleh perayu merupakan satu kesalahan yang cukup serius lagi berat. Betapa serius dan beratnya kesalahan ini telah dicerminkan dalam s. 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman minima lima tahun dan hukuman maksima penjara 20 tahun dan juga sebatan dengan rotan. Kepentingan awam sewajarnya mengatasi kepentingan perayu. Hasrat parlimen supaya penjenayah-penjenayah seperti perayu hendaklah dihukum dengan

sewajarnya dengan mendahulukan kepentingan awam hendaklah dihormati dengan ditimbalkan dengan hukuman berat dikenakan ke atas perayu. Hakim Sesyen telah tidak melakukan sebarang kekhilafan di dalam menjatuhkan hukuman kepada tertuduh. Malahan beliau telah mengambilkira dan mempertimbangkan kehendak masyarakat bagi jenayah sebegini. (perenggan 17 & 19)

(3) Faktor usia tertuduh, walaupun ianya boleh dipertimbangkan oleh mahkamah semasa menjatuhkan hukuman tetapi ianya hendaklah dipertimbangkan dengan mengambilkira kesan keseluruhan kesemua faktor-faktor lain. Faktor usia tertuduh yang telah menjangkau umur 53 tahun bukan satu-satunya faktor yang perlu ditimbangkan oleh mahkamah dan sepatutnya tidak dipertimbangkan langsung dalam hal ehwal keseluruhan kes ini, mengambilkira *modus operandi* perayu ketika melakukan kesalahan jenayah ini. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk campurtangan dengan hukuman yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang mengendalikan kes ini kerana ianya adalah teratur serta menurut lunas-lunas yang ditetapkan oleh undang-undang. (perenggan 20 & 21)

[Perintah seharusnya.]

Kes-kes yang dirujuk:

Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 ***(dirujuk)***
Chandra Sekaran Ramiyah & Anor v. PP [2000] 3 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***
Datuk Sahar Arpan v. PP [2007] 1 CLJ 326 CA ***(dirujuk)***
Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(dirujuk)***
New Tuck Shen v. PP [1982] CLJ 38; [1982] CLJ (Rep) 606 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Balwant Singh [2002] 4 CLJ 155 HC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Waad Mansor [2005] 1 CLJ 421 FC ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Nor & Ors [1985] 1 LNS 25 ***(dirujuk)***
Tan Bok Yeng v. PP [1972] 1 LNS 145 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Penal Code, s. 376

Bagi pihak perayu - Hishamuddin Abd Aziz; T/n E Ramasamy & Co
Bagi pihak PP - Nur Irmawatie Daud TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Di Mahkamah Sesyen Muar, OKT/perayu (selepas ini disebut sebagai "perayu") telah dihadapkan dengan dua tuduhan jenayah rogol. Walau bagaimanapun beliau hanya didapati bersalah dan disabitkan di atas satu pertuduhan sahaja seperti berikut:

B

> Bahawa kamu pada 16.11.2001 antara jam 8.00 malam – 9.00 malam disebuah kebun kelapa sawit di Jalan Parit Bulat, Parit Jawa, di dalam Daerah Muar, di dalam Negeri Johor, telah merogol seorang perempuan Melayu bernama XXXXX XX XX XXXXX, KPT: XXXXXX-XX-XXXX, berumur XX tahun dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 376 Kanun Keseksaan.

C

D

[2] Mangsa dalam kes ini SP1, berumur XX tahun semasa kejadian. SP4 adalah kakak kepada SP1. Pada masa kejadian, bapa kepada SP1 dan SP4 menghidap penyakit barah kepala yang teruk dan telah diminta oleh pihak hospital supaya dibawa balik untuk mendapatkan rawatan alternative.

E

[3] Perayu yang merupakan sepupu kepada bapa SP1 dan SP4 (selepas ini disebut sebagai "bapa") telah datang menziarahi si bapa bersama-sama dengan ibunya pada 10 November 2001. Perayu yang juga seorang pengamal perbomohan tradisional telah kemudiannya mengubati sibapa. Rawatan ini berterusan hingga 16 November 2001.

F

[4] Pada 16 November 2001, perayu telah memaklumkan bahawa punca penyakit sibapa adalah kerana buatan orang dan perlu diubati dengan segera. Untuk maksud pengubatan ini, perayu menerangkan bahawa SP1 juga perlu diubati. Maka pada hari yang sama (16 November 2001) kira-kira jam 8 malam, SP1 dan SP4 telah ke rumah perayu bagi mengambil ubat sibapa. Setibanya SP1 dan SP4 ke rumah perayu, perayu telah memberitahu SP1 dan SP4 bahawa beliau (perayu) ingin membawa SP1 ke kolam air panas di Sungai Resik untuk dimandikan/diubati.

G

H

[5] Perayu dan SP1 kemudiannya telah berlepas dari rumah perayu untuk pergi ke kolam air panas tersebut dengan perayu menunggang motosikal dan SP1 memboncengnya. SP4 pula ditinggalkan di rumah perayu.

I

[6] Walau bagaimanapun SP1 tidak dibawa ke kolam air panas tersebut, tetapi telah dibawa ke satu kawasan kebun kelapa sawit di Parit Bulat. Di sini perayu telah merogol SP1 buat pertama kalinya. SP1 tidak menceritakan kejadian yang menimpa dirinya dikebun kelapa sawit tersebut kerana telah diugut oleh OKT. Laporan polis telah dibuat hanya setelah SP1 dirogol buat kali kedua pada 18 November 2001 setelah mendapat nasihat dari datuknya, SP6.

[7] Pada 21 Disember 2006 setelah didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di atas, perayu telah diperintahkan supaya dipenjarakan untuk tempoh selama 15 tahun. Tiada perintah sebatan dikenakan kerana perayu telah melampaui umur 50 tahun ketika sabitan dikenakan.

[8] Atas sabitan dan hukuman ini perayu telah memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi Muar pada hari yang sama iaitu pada 21 Disember 2006. Pada 18 April 2008 saya telah mendengar dan menolak rayuan ke atas sabitan dan mengekalkan hukuman pemenjaraan 15 tahun yang diperintahkan oleh hakim bicara yang bijaksana. Di atas perintah inilah perayu telah memfailkan rayuan ini ke Mahkamah Rayuan. Walau bagaimanapun rayuan kali ini hanyalah terhadap hukuman pemenjaraan (yang dikekalkan itu) sahaja.

[9] Pada amnya, kuasa untuk mengenakan sesuatu hukuman dan menentukan tempoh sesuatu hukuman adalah terletak kepada hakim yang membicarakan kes berkenaan (*New Tuck Shen v. Public Prosecutor* [1982] CLJ 38; [1982] CLJ (Rep) 606). Adalah menjadi kebiasaan kepada mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan untuk tidak campurtangan dengan perlaksanaan kuasa budibicara yang dijalankan oleh mahkamah bawahan tersebut melainkan dapat ditunjukkan kepada mahkamah yang dirayu bahawa hukuman yang dikenakan tersebut adalah khilaf di sisi undang-undang dan memerlukan campurtangan dari mahkamah yang dirayu. Prinsip in telah diterangkan oleh Abdul Hamid Omar CJ di dalam kes *PP v. Mohamed Nor & Ors* [1985] 1 LNS 25 sebagaimana berikut:

> In this regard we would observe that it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances.

A

> And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence.

B **[10]** Sementara itu di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 139 Raja Azlan Shah telah menerangkan kenapa dan mengapa mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan menolak untuk campurtangan dengan perlaksanaan kuasa budibicara di dalam menjatuhkan sesuatu hukuman. Menurut beliau:

C

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v. Jamieson* ([1952] AC 525). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst others, equally conscientious, have thought it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient *per se* to warrant this court's interference.

D

E

F

G

H **[11]** Ternyata bahawa mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan tidak akan campurtangan dalam proses penghukuman kerana ianya adalah melibatkan perlaksanaan budibicara berdasarkan kepada fakta dan keadaan yang mengelilingi sesuatu kes (*Datuk Sahar Arpan v. PP* [2007] 1 CLJ 326). Apa yang penting, di dalam melaksanakan budibicara kehakiman tersebut mahkamah hendaklah memerhatikan dan mematuhi prinsip-prinsip penghukuman untuk menentukan apakah hukuman dan tempoh hukuman yang setimpal di dalam keadaan kes tersebut. Bagi maksud tersebut, beberapa faktor perlu dipertimbangkan oleh mahkamah, dan faktor-faktor itu

I

adalah sepertimana yang dijelaskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Mohd. Abdullah Ang Swee Kang v. Public Prosecutor* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 iaitu:

> In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

[12] Faktor lain yang juga akan diambilkira oleh mahkamah adalah sifat kesalahan dan bagaimana kesalahan itu dilakukan, dan hukuman yang dijatuhkan terhadap tertuduh hendaklah menggambarkan kepentingan awam, iaitu terdapatnya keperluan untuk mengenakan hukuman deteren bagi mencegah mana-mana orang lain dari melakukan kesalahan yang serupa (*Tan Bok Yeng v. Public Prosecutor* [1972] 1 LNS 145). Bagaimanapun, kepentingan awam adalah berbeza menurut keadaan, masa tempat dan sifat sesuatu kes. Oleh itu adalah menjadi tugas kepada mahkamah untuk memberikan pertimbangan yang lebih kepada kepentingan awam, tetapi di dalam masa yang sama mempunyai tanggungjawab untuk mencapai keseimbangan di antara kepentingan awam dan kepentingan tertuduh (*Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102). Bagaimana keseimbangan itu dapat dicapai telah pun diterangkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Dato' Waad Mansor* [2005] 1 CLJ 421, iaitu:

> In *Lim Poh Tee v. Public Prosecutor* [2001] 1 SLR p. 674, it was held that the principle of deterrence dictated that the length of the custodial sentence awarded had to be a not insubstantial one in order to drive home the message that such offences would not be tolerated; but not so much as to be unjust in all the circumstances of the case. In this regard, the culpability of the offender, the circumstances of the offence, the aggravating and mitigating factors, and the sentences imposed in similar cases would be relevant considerations.

[13] Setelah mengambilkira keseluruhan keadaan di dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang wajar dan sesuai dikenakan terhadap tertuduh di dalam kes ini hendaklah menunjukkan atau menggambarkan apa yang dikehendaki oleh masyarakat awam. Hukuman tersebut juga hendaklah mengandungi elemen-elemen deteren yang boleh mencegah orang-orang lain yang mempunyai niat yang sama dengan perayu supaya tidak meneruskan niat mereka.

[14] Dalam kes ini perayu adalah seorang pengamal perubatan tradisional dan di setengah tempat, masyarakatnya menaruh kepercayaan penuh di atas kepakaran yang dimilikinya. Demikian juga keadaannya dalam kes ini. Si bapa telah memberi kepercayaan penuh kepada perayu untuk merawatnya. Demikian juga anak-anak si bapa, SP1 dan SP4. Kedua-dua mereka telah menuruti segala kemahuan perayu tanpa soaljawab. Lebih-lebih lagi perayu adalah sepupu sibapa, bermakna pangkat ayah saudara kepada SP1.

[15] Malangnya perayu telah memecahkan amanah ini. Beliau mengambil kesempatan yang sepenuhnya dari keadaan malang yang menimpa si bapa dan juga kenaifan SP1. Perayu telah mengambil peluang untuk memuaskan nafsu serakahnya dari kesusahan-kesusahan yang menimpa orang lain. Nyata sekali perayu merupakan seorang yang keji lagi tidak bertimbangrasa. Orang-orang yang seperti ini sewajarnya diasingkan dari masyarakat untuk satu tempoh yang lama agar kerosakan yang ditimpakan ke atas SP1 tidak diulangi ke atas wanita-wanita yang lain yang sama naif dengan SP1. Demikian jugalah mereka-mereka yang mempunyai kedudukan seperti perayu dan memasang niat seperti perayu. Lebih-lebih lagi perbuatan yang dilakukan oleh perayu bukan sesuatu yang isolated. Acapkali dibentang didada-dada akhbar orang-orang seperti perayu ini telah menyalahgunakan kedudukan dan kemahirannya untuk memperdaya dan memerangkap golongan-golongan yang lemah, naif lagi innocent untuk memuaskan nafsu serakah mereka atau mengaut keuntungan material.

[16] Dalam kes ini perayu telah menggunakan modus operandi yang cukup licik lagi menjijikkan. Beliau kononnya menyatakan si bapa terkena buatan orang. Untuk mengubatinya, SP1 juga perlu dirawat. Rumah si bapa juga perlu dikosongkan dan keluarga tersebut diminta pindah ke rumahnya. Di malam-malam buta pula SP1 dibawa untuk diubati dikolam air panas di Sungai Resik. Malangnya, SP1 yang naif menurutkan sahaja kemahuan perayu. Ianya berakhir dengan tragedi yang malang di kebun kelapa sawit. Dari fakta-fakta di atas, perayu sememangnya seorang yang sungguh keji. Dalam keadaan seperti ini tidak ada kewajaran langsung bagi mahkamah untuk bertindak lunak di atas perbuatannya itu. Tidak ada ruang bagi mahkamah untuk memberikan ehsan (mercy) kepada perayu dalam situasi di mana kesalahan itu telah dilakukan.

[17] Selain itu perbuatan yang dilakukan oleh perayu merupakan satu kesalahan yang cukup serius lagi berat. Betapa serius dan beratnya kesalahan ini telah dicerminkan dalam s. 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman minima lima tahun dan hukuman maksima penjara 20 tahun dan juga sebatan dengan rotan. Dalam keadaan ini kepentingan awam sewajarnya mengatasi kepentingan perayu. Hasrat Parlimen supaya penjenayah-penjenayah seperti perayu hendaklah dihukum dengan sewajarnya dengan mendahulukan kepentingan awam hendaklah dihormati dengan ditimbalkan dengan hukuman berat dikenakan ke atas perayu.

[18] Ini adalah merupakan kehendak masyarakat dan diterjemahkan di dalam kes *Chandra Sekaran Ramiyah & Anor v. PP* [2000] 3 CLJ 293, di mana Haidar JCA menyatakan bahawa sungguhpun hakim dikehendaki untuk mempertimbangkan kepentingan tertuduh, bagaimanapun ianya juga hendaklah mempertimbangkan kepentingan orang ramai.

[19] Berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan, mahkamah berpendapat Hakim Sesyen telah tidak melakukan sebarang kekhilafan di dalam menjatuhkan hukuman kepada tertuduh. Malahan beliau telah mengambilkira dan mempertimbangkan kehendak masyarakat bagi jenayah sebegini.

[20] Faktor usia tertuduh, walaupun ianya boleh dipertimbangkan oleh mahkamah semasa menjatuhkan hukuman tetapi ianya hendaklah dipertimbangkan dengan mengambilkira kesan keseluruhan kesemua faktor-faktor lain (*PP v. Dato' Balwant Singh* [2002] 4 CLJ 155). Di dalam kes *Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102, mahkamah telah menyatakan bahawa usia tertuduh adalah merupakan hal perkara peribadi tertuduh, dan tidak sepatutnya diberikan *weight* yang terlalu banyak bagi peringanan sesuatu hukuman. Oleh yang demikian, pada hemat mahkamah faktor usia tertuduh yang telah menjangkau umur 53 tahun bukan satu-satunya faktor yang perlu ditimbangkan oleh mahkamah dan sepatutnya tidak dipertimbangkan langsung dalam hal ehwal keseluruhan kes ini, mengambilkira modus operandi perayu ketika melakukan kesalahan jenayah ini.

[21] Berdasarkan alasan-alasan di atas saya tidak berhasrat untuk campurtangan dengan hukuman yang diberikan oleh Hakim Sesyen yang mengendalikan kes ini kerana ianya adalah teratur serta menurut lunas-lunas yang ditetapkan oleh undang-undang.